



<b>Headline</b>	<b>70 pelajar ke IPT dibantu</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Online(www.utusan.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Jun 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>3</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,900</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 5,700</b>

## 70 pelajar ke IPT dibantu

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9091937863&amp;z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9091937863&amp;z=1600249527)

- Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Sungai Petani menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 70 anak penduduk kampung di Parlimen tersebut yang menerima tawaran melanjutkan pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara mulai tahun ini. Ketuaanya, Shahanim Mohd. Yusof berkata, walaupun sumbangan diberi tidak seberapa nilainya tetapi dapat memberikan satu perangsang dan semangat baharu kepada pelajar apabila berada di pusat pengajian itu nanti. Ada di antara mereka dipilih melanjutkan pengajian di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Akademi Laut Malaysia (Alam), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), politeknik dan lain-lain. Katanya, mereka yang dipilih ke pusat pengajian berkenaan bukan daripada keluarga mewah dan sebahagian perlu dibantu. "Saya yang prihatin dengan masalah mereka tampil menghulur sedikit sumbangan sekadar yang terdaya dan apabila dapat wang begini, mereka jadi bertambah ceria kerana boleh membeli beberapa barang keperluan nanti," katanya pada majlis menyampaikan sumbangan itu di sini hari ini. Menurut Shahanim, dia melakukan aktiviti begini sejak beberapa tahun lalu. "Saya ingin melihat mereka berjaya dalam hidup pada masa akan datang. "Saya sendiri adalah daripada keluarga susah tetapi setelah berpeluang menjejak kaki ke Universiti Utara Malaysia (UUM), keadaan kehidupan terus berubah setelah ada satu bidang pendapatan yang boleh menjamin kehidupan," katanya. Seorang pelajar dipilih masuk ke Kolej Poly Tech Mara di Kota Bharu, Kelantan, Faiznur Izzati Mohd. Fuad, 18, dari Permatang Pasir, Tikam Batu ketika ditemui berkata, dia gembira menerima sumbangan diberikan itu dan menjadi satu kenangan dan sukar untuk dilupai. Katanya, dia perlu mendaftar diri di Poly Tech Mara Kota Bharu, Kelantan pada 24 Jun ini dalam bidang pengajian pelancongan selama tiga tahun.